Oleh: Ustaz Rasul Bin Dahri

DAFTAR ISI

MUQADDIMAH

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

إِنَّ الْحَمْدَ للهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ . وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

{ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُّسْلِمُوْنَ }. (آل عمران 102)

{ يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثْرًا وَنِسَآءً وَاتَّقُوْا اللهَ الَّذِيْ تَسَآءَلُوْنَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ، إِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا }. (النسآء. 1)

يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا ، يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْلَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا }. (الأحزاب 71)

فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ اْلأُمُوْرِ مُحْدَثَاتُهَا فَإِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِى النَّارِ.

Al-Hamdulillah, dengan memohon taufiq dan ‘inayah dari Allah *‘Azza wa-Jalla*, buku yang menjelaskan pengertian *istiqamah* yang jarang dibincang dan diperkatakan oleh kebanyakan masyarakat kita dan jarang juga ditulis dalam bahasa Melayu kini dapat penulis siapkan. Semoga buku kecil (kutaiyib) ini mampu menambahkan lagi ilmu-ilmu syariat dan khazanah rujukan yang wajib diketahui dan dipelajari oleh setiap orang beriman. Di samping itu insyaAllah tulisan ini akan menambah lagi koleksi kitab-kitab agama yang dapat ditimba isinya oleh para pembaca yang sentiasa mencintai ilmu dan bahan-bahan bacaan berunsur agama.

Memandangkan perlunya persoalan ini diketahui dan difahami oleh masyarakat, maka penulis berusaha dengan keikhlasan hati menunaikan kewajipan dakwah demi mencari keredaan Allah. Semoga tulisan ini sentiasa dimanfaatkan oleh mereka yang kehausan ilmu dan bersungguh-sungguh menimbanya. Diharapkan juga buku kecil ini akan menjadi bahan untuk para pembaca menyebarkan dakwah Islamiyah.

Buku ini ditulis dengan ringkas, dipadatkan dengan dalil-dalil (hujah) dari al-Quran, hadis-hadis sahih, athar dan fatwa para ulama muktabar. Ia juga mudah difahami kerana ditulis dengan gaya bahasa yang sesuai untuk semua peringkat masyarakat.

Mudah-mudahan tulisan ini dapat memudahkan para pembaca memahami persoalan *istiqamah* dan menjadi orang yang sentiasa beriltizam dalam usaha mencari ilmu agar dapat menjalankan ibadah kepada Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dengan sempurna sebagaimana yang dituntut oleh syarak. Wa-Allahua'lam, walhamdulillahi Rabbil 'alamin.

Ikhlas dari:
Rasul bin Dahri.
Johor, Malaysia.

ISTIQAMAH

ISTIQAMAH

(الاستقامة)

Istiqamah menurut istilah bahasa dimaksudkan: *"Sentiasa taat, berpegang teguh, patuh, iltizam, komitmen, mantap, berterusan, sentiasa bersama, ikhlas, jujur atau tidak berganjak"*. Sebagai contoh, dikatakan:

كَمَا يَقُوْلُ الرَّجُلُ : اِسْتَقِمْ اِلَى مَنْزِلِكَ اَيْ لاَ تَخْرُجْ عَلَى شَىءٍ غَيْـــر الْقَصْدِ اِلَى مَنْزِلِكَ

"Sebagaimana seseorang yang mengatakan: "Jangan berganjak dari rumahmu, bermakna: Jangan keluar dari rumahmu jika tiada sesuatu keperluan".

Imam Ibn Kathir *rahimahullah*, menafsirkan kalimah *istiqamah* sebagai:

أي أخلصوا العمل لله ، وعملوا بطاعة الله تعالى على ما شرع الله لهم.

"Istiqamah ialah: Ikhlas melaksanakan amal kerana Allah, beramal kerana mentaati Allah dan hanya mengikut apa yang telah disyariatkan kepada mereka".[1]

---

1 . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir. 4/125.

Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wa-sallam* telah menafsirkan kalimah *istiqamah* sebagaimana terdapat di dalam sabda baginda:

عَنْ اَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَرَأَ عَلَيْنَا رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذِهِ الْاَيَة : { اِنَّ الَّذِيْنَ قَالُوْا رَبُّنَا اللهُ ثُمّ اسْتَقَامُوْا } قَــدْ قَالَهَا نَاسٌ ثُمَّ كَفَرَ اَكْثَرُهُمْ ، فَمَنْ قَالَهَا حَتَّى يَمُوْتَ فَقَــدْ اسْــتَقَامَ عَلَيْهَا.

"Dari Anas bin Malik radiallahu ‘anhu, beliau berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam telah membaca kepada kami ayat ini: “Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: Tuhan kami ialah Allah kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka (istiqamah)”.[2] *Ayat ini telah diucapkan oleh ramai manusia, kemudian kebanyakan mereka mengkufurinya. Maka barangsiapa yang mengatakannya (dengan meneguhkan pendiriannya/istiqamah) sehingga ia mati, maka dia mati di dalam keadaan istiqamah".*[3]

Dari keterangan hadis di atas yang menjelaskan tentang *istiqamah,* kita boleh memahami bahawa *istiqamah* bukanlah sekadar ucapan atau pengakuan di mulut sahaja, tetapi *istiqamah* juga adalah amalan hati atau iman, tidak mengkufuri keimanan dan pengakuan yang telah diucapkan sehingga teguh pendirian, kuat pegangan akidah tauhid (iktikad), ikhlas beramal, mantap, beriltizam yang tinggi, bermotivasi, tetap sabar dalam menempuh ujian atau rintangan, tidak mudah untuk berubah, tidak berputus asa, tawar hati, keciwa dan juga tidak

---

2 . Fussilat, 41:30.

3 . H/R An-Nasaii dalam tafsirnya, al-Bazzar dan Ibnu Jarir.

mudah untuk meninggalkan syariat Allah sehinggalah keakhir hayat, ke dalam kubur dan kehari semua pahala dan dosa dihisab (*Yaumulhisab*). Allah *Ta'ala* berfirman:

يُثَبِّتُ اللهُ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا بِالْقَوْلِ الثَّابتِ فِى الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِى اْلآخِرَةِ.

"Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat".[4]

Dari al-Barra' bin Azib *radiallahu 'anhu*, beliau berkata: Bahawasanya Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

اَلْمُسْلِمُ إِذَا سُئِلَ فِى الْقَبْرِ شَهِدَ أَنْ لاَ أَلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُــوْلُ اللهِ ، فَذَلِكَ قَوْلُهُ (يُثَبِّتُ اللهُ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا بِالْقَوْلِ الثَّابتِ فِى الْحَيَــاةِ الدُّنْيَا وَفِى اْلآخِرَةِ).

"Seorang muslim apabila ditanya di dalam kubur, ia bersaksi bahawa sesungguhnya tidak ada Illah yang hak (yang wajib disembah) selain Allah dan bahawasanya Muhammad adalah Rasulullah. Itulah maksud firman Allah: Allah meneguhkan iman orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh (yang beristiqamah) itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat".[5]

Adalah wajar sentiasa ber*istiqamah* atau meneguhkan iman dalam beragama terutama pegangan tauhid (akidah). Al-Imam Ibnu Qaiyim *rahimahullah* berkata:

---

4 . Ibrahim, 14:27.

5 . H/R Muslim dan lainnya.

فَالتَّوْحِيْدُ أَوَّلُ مَا يَدْخُلُ بِهِ فِي الْإِسْلَامِ وَآخِرُ مَا يَخْرُجُ بِهِ مِنَ الدُّنْيَا.

"Maka dengan tauhid (seorang hamba) mengawali kehidupannya dalam Islam dan dengan tauhid pula ia mengakhirinya keluar dari dunia".

Dalil tentang wajibnya ber*istiqamah* dalam pegangan tauhid berdasarkan firman Allah *'Azza wa-Jalla*:

إِنَّ الَّذِيْنَ قَالُوْا رَبُّنَا اللهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوْا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلاَئِكَةُ أَلاَّ تَخَافُوْا وَلاَ تَحْزَنُوْا وَأَبْشِرُوْا بِالْجَنَّةِ الَّتِيْ كُنْتُمْ تُوْعَدُوْنَ.

"Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan Rabb kami ialah Allah kemudian mereka meneguhkan pendirian (istiqamah), maka malaikat akan turun kepada mereka (dengan mengatakan): Janganlah kamu merasa takut dan janganlah kamu merasa sedih dan bergembiralah kamu dengan (memperolehi) syurga yang telah dijanjikan oleh Allah kepadamu".[6]

Berkata Abul 'Aliyah *rahimahullah* bahawa firman Allah: ثُمَّ اسْتَقَامُوْا *"Hendaklah kamu sentiasa ikhlas (kekal istiqamah dengan tauhid) dalam beragama dan melaksanakan amal".* [7]

Keterangan akan wajibnya *istiqamah* dalam semua hal akan terus diperkukuh di tulisan ini (insyaAllah) dengan dalil-

[6] . Fussilat, 41:30.

[7] . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir, 4/126.

dalil dari al-Quran, hadis-hadis, athar-athar yang sahih dan fatwa para ulama muktabar.

Ada pun tujuan *istiqamah* dilakukan dalam semua perkara yang berkaitan dengan ibadah adalah semata-mata kerana mematuhi dan mencari keredaan Allah, terutamanya dengan cara mengerjakan segala jenis amal yang telah diwajibkan ke atasnya secara berterusan (*istiqamah*), khususnya akidah (tauhid) sehinggalah menemui ajal (kematian).

Ali bin Abi Thalha *radiallahu 'anhu* meriwayatkan dari Ibnu Abbas tentang firman Allah:

إِنَّ الَّذِيْنَ قَالُوْا رَبُّنَا اللهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوْا.

"Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan Rabb kami ialah Allah, kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka".

Bermaksud:

عَلَى أَدَاءِ فَرَائِضه.

"Iaitu istiqamah dalam menunaikan perkara-perkara yang difardukan oleh Allah". [8]

Sesiapa yang *istiqamah* dalam akidah tauhid dan kalimah tauhid sehingga keakhir hayatnya, maka ia adalah ahli syurga. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* mengkhabarkan dengan sabdanya:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلاَمِهِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

[8] . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 4/162.

"Barangsiapa yang akhir ucapannya: (La Ilaha illallah – Tiada tuhan yang wajib diibadahi kecuali Allah – nescaya ia masuk syurga". ***H/R Ahmad 4/233. Abu Daud no. 3116. Hakim 1/351. Disepakati oleh az-Zahabi dan disahihkan oleh al-Albani dalam Irwaul Ghalil, 3/149-150. No 683.***

Di dalam firman Allah di atas ini, ia mengkhabarkan berkenaan orang yang komited kepada pegangannya dan ber*istiqamah* dalam urusan agama terutamanya akidah (tauhid), mereka akan memperolehi keteguhan iman. Ianya akan terbukti melalui ucapan tauhid mereka yang teguh. Keadaan mereka tetap sedemikian sama ada di dunia atau di akhirat.

Selain dari mengambil penerangan melalui al-Quran dan sabda Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* sebagaimana penjelasan yang lalu dalam memelihara *istiqamah*, kita akan terus mengambil hujah-hujah dari ayat al-Quran dah hadis-hadis sahih yang terdapat di dalamnya kalimah istiqamah, yang disertakan bersamanya penjelasan dari para ulama Salaf-as-Soleh supaya ianya mudah dan boleh difahami erti serta maksudnya menurut kehendak syarak.

Allah *'Azza wa-Jalla* berfirman:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوْحَى إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَاسْتَقِيْمُوْا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوْهُ ، وَوَيْلٌ لِلْمُشْرِكِيْنَ.

"Katakanlah, bahawasanya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawasanya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa (Satu), maka tetaplah pada jalan yang lurus (istiqamahlah) menuju kepada-Nya dan mohonlah

ampun kepada-Nya! Dan kecelakaan yang besar bagi orang-orang yang mempersekutukan-(Nya)".[9]

Pada ayat dari surah *Fussilat* 41:6 dan ayat 30 ia memberi maksud:

"Meneguhkan pendirian, tidak berganjak, tidak goyang, tetap (berterusan) dan mantap (pegang kuat-kuat, tidak terlepas dan tidak berubah) sehingga sentiasa mengikut jalan Allah yang lurus (iaitu syariat-Nya)".

Istiqamah dalam surah *Fussilat* 41 ayat 6 dan 30, merupakan suatu suruhan yang mewajibkan kepada setiap orang-orang beriman supaya tetap berpegang teguh dengan tauhid, memeliharanya agar tidak melakukan kesyirikan dan melaksanakan segala tuntutan syariat yang diwahyukan oleh Allah. Begitu juga dalam firman Allah:

إِنَّ الَّذِيْنَ قَالُوْا رَبُّنَا اللهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوْا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلاَئِكَةُ أَلاَّ تَخَافُوْا وَلاَ تَحْزَنُوْا وَأَبْشِرُوْا بِالْجَنَّةِ الَّتِيْ كُنْتُمْ تُوْعَدُوْنَ.

"Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan Tuhan kami ialah Allah kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka (istiqamah), maka malaikat akan turun kepada mereka (dengan mengatakan : Janganlah kamu merasa takut dan janganlah kamu merasa sedih, dan bergembiralah kamu dengan mendapat syurga yang telah dijanjikan Allah kepadamu". [10]

---

[9] . Fussilat, 41:6.

[10] . Fussilat, 41:30.

Kalimah *Istiqamah* pada ayat ini bermaksud:

"Hendaklah kamu ikhlas (tidak syirik) beribadah kepada Allah dengan mematuhi segala apa yang telah diperintahkan ke atas kamu menurut apa yang telah diterangkan oleh para rasul".

Dikatakan oleh Qatadah *rahimahullah*: Berkata al-Hasan *rahimahullah*:

"Bahawa amalan beliau ialah disetiap kali selesai membaca ayat di atas ini, beliau akan terus memohon doa dengan doa:

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبَّنَا فَرْزُقْنَا الْاِسْتِقَامَةَ.

"Ya Allah, Engkau Tuhan kami, maka rezekikanlah kami istiqamah".[11]

Yang diperintahkan di dalam ayat di atas ini ialah agar setiap mukmin sentiasa mantap, teguh atau tidak berubah-ubah dalam berakidah, sentiasa taat menyembah atau beribadah kepada Allah Yang Maha Esa tanpa mempersekutukan-Nya dengan sembarang makhluk-Nya. Itulah *istiqamah* yang dituntut oleh syariat Islamiyah sejak para nabi dan para rasul diutus kepada umat mereka.

Istiqamah juga menjadi doktrin *tarbiyah* (pendidikan) kepada setiap orang-orang yang beriman agar sentiasa memohon perlindungan dari Allah supaya dijauhkan dari melakukan kesesatan bid'ah, syirik dan agar diselamatkan dari kecelakaan yang besar, iaitu neraka yang dikhususkan sebagai

[11] . Lihat: Tafsir al-Qurtubi 15/358.

tempat kembali bagi orang-orang yang melakukan berbagai-bagai dosa, bid'ah, fasik, khurafat, tahaiyul dan akan dikekalkan di dalam neraka jika mati menanggung kesyirikan. Oleh yang demikian, ber*istiqamah*lah dalam semua perkara terutama dalam hal-hal yang diwajibkan.

Orang-orang yang tidak mengenal dan tidak mengetahui apa itu *istiqamah* hidupnya sama ada yang zahir atau yang batin akan dipenuhi dengan perkara-perkara yang mungkar dan batil. Keterangan ini berdasarkan hadis:

عَنْ سُفْيَانِ بْنِ عَبْدِ اللهِ الثَّقَفِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : يَـا رَسُـوْلَ اللهِ ، حَدِّثْنِيْ بِأَمْرٍ أَعْتَصِمُ بِهِ ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : قُـلْ رَبِّيَ اللهُ ثُمَّ اسْتَقِمْ . قُلْتُ : يَا رَسُوْلَ اللهِ ، مَا أَكْثَرُ مَا تَخَافُ عَلَـيَّ ؟ فَأَخَذَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِطَرَفِ لِسَانِ نَفْسِهِ ثُمَّ قَـالَ : هَذَا.

"Dari Sufyan bin Abdullah ast-Tsaqafi radiallahu 'anhu, beliau berkata: Wahai Rasulullah, ceritakan kepadaku suatu perkara yang dapat aku berpegang dengannya! Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Katakanlah, Rabbku adalah Allah kemudian istiqamahlah! Aku bertanya: Wahai Rasulullah, apakah perkara yang paling engkau takutkan dariku? Lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam memegang hujung lidahnya sendiri dan menjawab: Ini".[12]

Diriwayat yang lain:

---

[12]. H/R Ibnu Majah dan Tirmizi. Dan beliau berkata: Hadis Hasan Sahih.

"Wahai Rasulullah, katakanlah kepadaku dalam ajaran Islam ini suatu perkataan yang membuat aku tidak bertanya kepada seorang pun sesudahmu. Baginda bersabda:

قُلْ آمَنْتُ بِاللهِ ثُمَّ اسْتَقِمْ.

"Katakanlah, aku beriman kepada Allah, kemudian beristiqamahlah kamu!".[13]

---

[13] . H/R Muslim dan an-Nasaii.

JANJI ALLAH

JANJI ALLAH

Allah telah berjanji akan memberi ketenangan kepada orang-orang beriman yang ber*istiqamah*. *Istiqamah* dapat menghilangkan rasa ketakutan, bimbang dan dukacita dalam menghadapi berbagai ujian hidup yang tertimpa ke atasnya. Manusia yang berjaya menghadapi ujian hidup yang getir, ia akan terselamat dari kekhuatiran, dukacita, tekanan perasaan dan penyakit jiwa.

Di akhirat pula Allah *Subhanahu wa-Jalla* akan menyelamatkan orang-orang yang ber*istiqamah* dari kesengsaraan neraka. Mereka akan dimasukkan ke dalam syurga sebagai balasan amalan mulia mereka sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah.

Antara cara *istiqamah* yang diwajibkan oleh syarak kepada orang-orang beriman ialah dengan mengakui hanya Allah sebagai Tuhan mereka, mentauhidkan-Nya dengan menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kepada kesyirikan dan terus ber*istiqamah* dalam beramal pada semua perkara yang telah diwajibkan oleh agama.

Antara ayat-ayat yang memerintahkan agar ber*istiqamah* dan dijanjikan balasan syurga serta kemuliaan ialah firman Allah:

إِنَّ الَّذِيْنَ قَالُوْا رَبُّنَا اللهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوْا فَلاَ خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلاَهُمْ يَحْزَنُوْنَ ، أُوْلَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ خَالِدِيْنَ فِيْهَا جَزَآءً بِمَا كَانُوْا يَعْمَلُوْنَ.

"Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: Tuhan kami adalah Allah, kemudian mereka tetap beristiqamah, maka tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan mereka tidak pula berdukacita. Mereka penghuni syurga kekal di dalamnya buat selama-lamanya sebagai balasan apa yang telah mereka kerjakan".[14]

Ayat di atas ini amat jelas menerangkan perihal orang-orang yang mengatakan hanya Allah sahaja Tuhan mereka tanpa disekutukan dengan yang lain, kemudian ber*istiqamah* (tidak berganjak) dalam pendirian mereka, sama ada pada perbuatan (amalan), pengakuan (iktikad), akhlak dan gaya hidup mereka seharian, maka balasan untuk mereka yang beristiqamah dalan hal tersebut adalah syurga.

Maka orang-orang yang benar-benar ber*istiqamah*, telah dijmin oleh Allah, mereka tidak akan merasa takut, putus asa dan sedih dalam menghadapi ranjau kehidupan. Oleh itu, yakinilah janji Allah bahawa Dia akan membalas *istiqamah* orang-orang beriman dengan sebaik-baik balasan sebagai ganjaran dan kemuliaan kerana ber*istiqamah*.

[14] . Al-Ahkaf, 46:13-14.

ISTIQAMAH MENURUT PENAFSIRAN ULAMA SALAF

ISTIQAMAH MENURUT PENAFSIRAN ULAMA SALAF

Penafsiran kalimah atau istilah *istiqamah* akan lebih mudah difahami dan lebih jelas apabila berpandu atau dikembalikan kepada penafsiran dari para jumhur ulama tafsir, terutama dari kalangan para sahabat, tabi'in, tabi'ut at-tabi'in atau para ulama Salaf as-Soleh yang muktabar. Sebagaimana sebahagian dari penafsiran mereka bahawa *istiqamah* ialah:

"*Istiqamah ialah: Sentiasa taat dan ikhlas (tidak syirik) melaksanakan setiap amal ibadah secara tetap, terus menerus dan mantap (tidak ditinggalkan). Dilakukan setiap amal semata-mata hanya kerana mencari keridhaan Allah*".

Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

أَحَبُّ الأَعْمَالِ إِلَى اللهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ.

"Amal-amal baik yang paling dicintai oleh Allah adalah yang dilakukan terus-menerus (istiqamah) walaupun hanya sedikit".[15]

Ada pun kalangan mufassirun yang telah menafsirkan dan menjelaskan maksud kalimah *istiqamah* antara mereka ialah:

---

[15] . H/R Bukhari no. 43 dan Muslim no.782.

Qatadah dan Ibnu Jarir *rahimahullah* yang menjelaskan maksud *istiqamah* dengan penafsiran:

"Kemudian hendaklah kamu berpendirian teguh (beristiqamah) dalam mentaati Allah (Rasul-Nya dan agama-Nya)".

Berkata al-Hasan:

“Berpegang teguhlah (beristiqamahlah) kamu di atas perintah Allah, dengan beramal serta mentaati Allah, dan jauhilah olehmu segala maksiat".

Berkata Mujahid:

"Beristiqamah ialah kamu bersyahadah bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah sehingga kamu mati".

Berkata Sufian as-Thauri:

"Istiqamah ialah berbuat sesuai menurut apa yang telah kamu katakan".

Berkata Ar-Rabi':

"Istiqamah ialah meninggalkan segala-galanya kecuali Allah".

Penafsiran di atas boleh dilihat dan dirujuk di dalam kitab: Tafsir Fathul Qadir, Jld. 4, m/s 515. (Iaitu dalam penafsiran ayat *Fussilat*, 4:30).

Dan menurut Imam al-Qurtubi di dalam kitab tafsirnya:

“Bahawa semua perbincangan yang memperkatakan tentang istiqamah apabila dibuat kesimpulan, ia memberi maksud: "Taatilah Allah dengan bersungguh-sungguh, dengan pegangan, perkataan, perbuatan dan sentiasalah beristiqamah (berterusan) dalam keadaan yang demikian".[16]

---

[16] . Lihat: Tafsir al-Qurtubi. 15/335.

WAJIBNYA ISTIQAMAH

WAJIBNYA ISTIQAMAH

Antara ayat-ayat di dalam al-Quran yang menekankan wajibnya *istiqamah* dalam mentaati segala suruhan atau larangan Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*, sama ada suruhan yang wajib dikerjakan atau larangan yang haram untuk dikerjakan ialah:

فَاسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلاَ تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ بَصِيْرٌ.

"Maka tetaplah kamu (beristiqamahlah kamu) pada jalan yang benar (jalan Allah), sebagaimana diperintahkan kepada kamu dan (juga) orang-orang yang telah taubat berserta kamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa sahaja yang kamu kerjakan".[17]

Menurut penafsiran Imam Ibnu Kathir *rahimahullah* tentang ayat di atas ini bahawa:

يأمر تعالى رسوله وعباده المؤمنين بالثبات والدوام على الإستقامة وذلك من أكبر العون على النصر على الأعداء ومخالفة الأضداد ونهى عن الطغيان وهو البغي فإنه مصرعة حتى ولو كان على مشرك واعلم تعالى أنه بصير بأعمال العباد لا يغفل عن شيء ولا يخفى عليه شيء.

---

[17] . Hud 11:112.

"Allah Ta'ala memerintahkan Rasul dan hamba-hamba-Nya yang beriman untuk teguh dan sentiasa tetap dalam istiqamah. Istiqamah merupakan sebab yang dapat memberikan pertolongan yang besar dalam meraih kemenangan atas musuh-musuh dan dapat menghindari perselisihan serta dapat menjauhkan diri dari perbuatan melampaui batas, kerana melampaui batas itu merupakan kehancuran walaupun terhadap orang musyrik dan Allah memberitahu bahawa Allah adalah Mahamelihat kepada apa sahaja perbuatan hamba-hamba-Nya. Allah tidak lalai dan tidak tersamar sedikitpun (dari-Nya)".[18]

Dan firman Allah:

وَأَلَّوِ اسْتَقَامُوْا عَلَى الطَّرِيْقَةِ لأَسْقَيْنَاهُمْ مَّآءً غَدَقًا.

"Dan bahawasanya jika mereka beristiqamah di atas jalan (agama Islam), benar-benar Kami akan memberi minum kepada mereka air yang segar (rezeki yang banyak)".[19]

Pada ayat di atas ini maksud istiqamah telah ditafsirkan oleh Ibnu Abbas *radiallahu 'anhu* ialah:

يعني بالإستقامة الطاعة.

"Iaitu: Beristiqamah dengan cara melakukan ketaatan".[20]

---

18. Lihat: Tafsir Ibnu Kathir, 2/606.
19. Al-Jin, 72:16.
20. Lihat: Tafsir Ibnu Kathir, 4/554.

Ditafsirkan oleh Qatadah dan beberapa ahli tafsir yang lain dengan penafsiran:

لو آمنوا كلهم لأوسعنا عليهم من الدنيا.

"Jika mereka semua beriman (serta beristiqamah), nescaya akan Kami perluas dunia untuk mereka".[21]

Berkata Mujahid dan demikian pula yang disampaikan oleh adh-Dahhak:

أي : طريقة الحق.

"Atau (istiqamah) pada jalan kebenaran".[22]

Firman Allah *'Azza wa-Jalla*:

فَلِذَلِكَ فَادْعُ وَاسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ وَلاَ تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَقُلْ ءَامَنْتُ بِمَــآ أَنْزَلَ اللهُ مِنْ كِتَابٍ وَأُمِرْتُ لأَعْدِلَ بَيْنَكُمْ.

"Maka oleh kerana itu serulah (mereka kapada agama) dan tetaplah (istiqamahlah) sebagaimana diperintahkan kepadamu dan janganlah mengikuti hawa nafsu mereka, dan katakanlah: Aku beriman kepada semua Kitab yang diturunkan Allah dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu".[23]

Berkata Ibnu Kathir *rahimahullah*:

---

21 . Ibid.

22 . Ibid.

23 . Asy-Syura 42:15.

وقوله عز وجل : (واستقم كما أمرت) : أي واستقم أنـــت ومـــن اتبعك على عبادة الله تعالى كما أمركم الله عز وجل.

"Firman Allah 'Azza wa-Jalla: Dan tetaplah (istiqamahlah) sebagaimana diperintahkan kepadamu". Yakni: Teguhlah kamu dan orang-orang yang mengikutmu untuk beribadah kepada Allah Ta'ala sebagaimana yang telah Allah 'Azza wa-Jalla perintahkan kepada kamu".[24]

وَأَنْ أَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّيْنِ حَنِيْفًا وَلاَ تَكُوْنَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ.

"Dan (aku telah diperintah): Hadapkanlah wajahmu dengan tulus (istiqamah) dan ikhlas, dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang musyrik".[25]

Menurut imam Ibnu Kathir lagi bahawa ayat di dalam firman Allah:

قوله (وأنْ أَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّيْنِ حَنِيْفًا) أَيْ: أخلص العبادة وحـــده اي منحرفا عن الشرك.

"Firman-Nya (Dan aku telah diperintahkan): Hadapkanlah mukamu/wajahmu kepada agama dengan tulus dan ikhlas)

[24] . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir, 4/138.

[25] . Yunus 10:105.

iaitu ikhlaskanlah ibadah kamu hanya untuk Allah semata (dengan beristiqamah) serta berpalinglah dari kesyirikan".[26]

Firman Allah *'Azza wa-Jalla*:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّيْنِ حَنِيْفًا ، فِطْرَتَ اللهِ الَّتِيْ فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا ، لاَ تَبْدِيْلَ لِخَلْقِ اللهِ ، ذَلِكَ الدِّيْنُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لاَيَعْلَمُوْنَ.

"Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus (istiqamah) kepada Agama (Allah), (tetaplah atas) fitrah Allah (ciptaan-Nya) yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".[27]

Ayat di atas ini ditafsirkan oleh Ibnu Kathir *rahimahullah* iaitu:

فسدد وجهك واثمر على الدين الذي شرعه الله لك من الحنفية ملة إبراهيم الذي هداك الله لها وكملها لك غاية الكمال .

"Maka mantapkanlah pandanganmu dan istiqamahlah di atas agama yang disyariatkan Allah kepadamu, berupa kesucian millah Ibrahim yang Allah tunjukkan kamu kepadanya. Dan telah disempurnakan oleh Allah agama itu untukmu dengan sangat sempurna".[28]

---

26 . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir, 2/570.
27. Ar-Rum, 30:30.
28 . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir, 3/572.

Dan beliau seterusnya menafsirkan:

وأنت مع ذلك لازم فطرتك السليمة التي فطر الله الخلق عليها فإنـــه تعالى فطر خلقه على معرفته وتوحيده وأنه لا إله غيره.

"Di samping itu hendaklah engkau iltizam (istiqamah) terhadap fitrah lurusmu (tauhid) yang difitrahkan Allah atas makhluk-Nya. Kerana Allah telah memfitrahkan atas makhluk-Nya untuk mengenal (mengetahui) dan mengEsakan-Nya yang tidak ada ilah (yang berhak disembah) selain-Nya".

Kesemua ayat-ayat di atas menekankan supaya orang-orang yang beriman sentiasa ber*istiqamah* dalam beragama. Kerana dengan cara ber*istiqamah* seseorang akan bersungguh-sungguh memelihara agama dan segala tuntutan agamanya, akidahnya dan segala amalannya, sehingga tidak mudah berubah, malah dengan ber*istiqamah* seseorang itu akan terpelihara dari melakukan berbagai-bagai kemungkaran, kefasikan, kezaliman, bid'ah, tahaiyul, khurafat dan kesyirikan.

Kalimah *istiqamah* pada ayat-ayat di atas amat jelas, ia menunjukkan bahawa pegangan (akidah) seseorang yang ber*istiqamah* tidak mudah berubah, tidak mudah berbelah-bagi, tidak mudah terpengaruh dengan hasutan syaitan, tidak mudah tergugat, tidak mudah luntur, tidak mudah termakan godaan ahli bid'ah dan tidak mudah bertukar fikiran. Malah *istiqamah* merupakan asas atau tunjang kemantapan iktikad seseorang untuk memelihara atau berpegang teguh pada satu akidah sahihah dan juga amalan yang dituntut oleh syariat tanpa ragu dan berbelah-bagi.

Penekanan agar terus ber*istiqamah* sebagaimana yang terdapat pada ayat-ayat di atas, ia merupakan suatu bentuk perintah yang wajib, ia dikuatkan dengan penegahan dari mengikuti hawa nafsu yang bergelora, akal-akalan yang sempit, rakyu yang keji dan kerosakan hati manusia yang fasik dan yang masih diselubungi oleh kesesatan, kejahilan dan kekufuran. Selain itu, ditekankan juga supaya orang-orang yang beriman benar-benar ber*istiqamah* melalui jalan (panduan) al-kitab (al-Quran dan as-Sunnah), athar yang sahih dan nasihat dari para ulama Salaf as-Soleh yang muktabar yang selamat manhajnya.

Dari ayat-ayat serta hujah-hujah yang berupa sabda Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* yang telah dipaparkan, kita juga dapat memahami bahawa orang-orang yang benar-benar beriman mereka akan sentiasa ber*istiqamah*, iaitu antaranya ber*istiqamah* (terutamanya) dengan cara meninggalkan segala bentuk kefasikan dan bid'ah, tidak melayani kehendak hawa nafsunya yang serakah atau godaan hawa nafsu kaum kuffar, kaum musyrikin dan juga tidak akan melakukan segala jenis syirik melalui berbagai-bagai berhala yang menyesatkan bani Adam.

MATLAMAT ISTIQAMAH

MATLAMAT ISTIQAMAH

Antara matlamat atau tujuan *istiqamah* sebagaimana yang diwajibkan oleh syarak ialah supaya (dengan ber*istiqamah*) dapat memelihara akidah atau keimanan seseorang dari terpesong dari jalan Allah, agar tidak mudah melakukan segala jenis maksiat, kemungkaran dan tidak mudah terjebak dengan *makr* (perangkap) syaitan, *talbis* (penipuan) iblis dan berbagai-bagai syubhat terutamanya yang berunsur bid'ah dan khurafat.

Dalam persoalan ini, kita boleh mengambil contoh dari kisah Sufian bin Abdullah as-Thaqafi *radiallahu 'anhu* yang pernah meminta nasihat daripada Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*. Beliau mengharapkan dengan nasihat yang amat bernilai yang akan diberikan oleh Rasulullah akan dapat mengukuhkan keimanannya, dan setelah mendapat nasihat yang sangat diinginkan, beliau tidak akan bertanyakan lagi nasihat serupa itu walau dari sesiapapun selepas itu. Kisah tersebut dapat difahami dari hadis di bawah ini:

عَنْ سُفْيَانِ بْنِ عَبْدِاللهِ الثَّقَافِى قَالَ : قُلْتُ يَا رَسُوْلَ اللهِ قُلْ لِىْ فِى الْاِسْلاَمِ قَوْلاً لاَ اَسْاَلُ عَنْهُ اَحَدًا بَعْدَكَ قَالَ : قُلْ آمَنْتُ بِاللهِ ثُمَّ اسْتَقِمْ.

"Dari Sufian bin Abdullah as-Thaqafi berkata : Aku berkata, wahai Rasulullah, katakanlah kepadaku tentang Islam suatu perkataan yang aku tidak akan bertanya lagi dari sesiapa

sesudah engkau. Baginda bersabda: "Katakanlah, aku beriman kepada Allah, kemudian beristiqamahlah!".[29]

Sebab-sebab mengapa seseorang itu tidak dapat bertahan dalam ber*istiqamah*, antaranya selain dari iman mereka yang lemah, ia juga berpunca kerana tidak berilmu sehingga mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang negatif, mudah kecewa dan putus asa. Sedangkan kekecewaan atau putus asa bukanlah sifat orang-orang beriman yang sebenar. Agama Islam mengharamkan sikap kecewa atau berputus asa sebagaimana firman Allah *Ta'ala*:

وَلاَ تَايْئَسُوْا مِنْ رَّوْحِ اللهِ ، إِنَّهُ لاَ يَايْئَسُ مِنْ رَّوْحِ اللهِ إِلاَّ الْقَوْمُ الْكَافِرُوْنَ.

"Dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, sesungguhnya tiada berputus asa dari rahmat Allah, melainkan kaum yang kafir".[30]

Seseorang yang kecewa atau putus asa disebabkan sesuatu kejadian, kerana merasa bersalah (tidak kira apapun jenis kesalahannya) atau merasa terlalu berdosa sehingga melupakan *istiqamah*, maka mereka yang berkeadaan seperti ini perlu cepat bertaubat dan segera kembali ber*istiqamah.* Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* telah memberi peringatan kepada orang-orang seperti ini dengan firman-Nya:

---

[29] . H/R Muslim dan an-Nasaii.

[30] . Yusuf 12:87.

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِيْنَ أَسْرَفُوْا عَلَى أَنْفُسِهِمْ لاَ تَقْنَطُوْا مِنْ رَّحْمَةِ اللهِ ، إِنَّ اللهَ يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ جَمِيْعًا ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

"Katakanlah: Hai hamba-hambaku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah! Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".[31]

---

[31] . Az-Zumar 39:53.

PERINTAH ALLAH

PERINTAH ALLAH

Allah *'Azza wa-Jalla* memerintahkan agar orang-orang beriman sentiasa ber*istiqamah* terhadap al-Quran sebagaimana yang telah dijelaskan melalui penjelasan yang lalu. Perlunya ber*istiqamah* terhadap al-Quran kerana al-Quran adalah Kalamullah yang berupa ilmu (pelajaran yang sempurna), nasihat yang paling berguna, peringatan yang memberi kesan dan hidayah (petunjuk) ke jalan yang lurus dan selamat. Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

إِنْ هُوَ إِلاَّ ذِكْرٌ لِلْعَالَمِيْنَ لِمَنْ شَآءَ مِنْكُمْ أَنْ يَسْتَقِيْمَ.

"Al-Quran itu tiada lain hanyalah peringatan bagi semesta alam. Iaitu bagi siapa di antara kamu yang mahu menempuh jalan yang lurus".[32]

Imam Ibnu Kathir menjelaskan:

من أراد الهداية فعليه بهذا القرآن ، فإنه منجاة له وهداية ، ولاهداية فيما سواه.

"Barangsiapa yang menghendaki petunjuk, maka hendaklah dia istiqamah pada al-Quran ini, kerana sesungguhnya al-Quran

32 . At-Takwir 81:27-28.

merupakan penyelamat sekaligus petunjuk baginya, dan tiada petunjuk baginya selain al-Quran".[33]

Seseorang yang tidak ber*istiqamah*, bererti dia tidak beriman. Kerana seseorang yang tidak ber*istiqamah* dalam solatnya, puasanya, zakatnya dan segala perkara yang telah diwajibkan oleh syarak, maka ini bermakna mereka tidak sempurna melakukan kewajiban tersebut, dilakukan hanya mengikut selera hawa nafsunya sendiri yang mudah ditinggalkan bila-bila masa sahaja.

Begitu juga dalam usaha menuntut ilmu, berdakwah untuk menegakkan kebenaran, berjihad untuk menentang kemungkaran, berharakah untuk menghidupkan Islam dan berjamaah untuk menyatukan ummah, maka apabila seseorang itu tidak ber*istiqamah* dalam hal-hal tersebut, ia akan mudah berubah pendirian, mudah meninggalkan semua itu, mudah kecewa dan putus asa tanpa merasa gerun atau merasa berdosa di atas perbuatannya.

Orang-orang seperti ini sudah diberi peringatan oleh Allah '*Azza wa-Jalla* dengan ancaman neraka yang tersedia di dalamnya berbagai-bagai azab yang pedih.

Ber*istiqamah* selain telah diperintahkan oleh Allah kepada para nabi dan para rasul, ia juga telah diwajibkan kepada setiap hamba-Nya yang beriman. Allah *Ta'ala* berfirman:

[33] . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir, 4/618.

"Allah berfirman: Sesungguhnya telah diperkenankan permohonanmu berdua, sebab itu tetaplah (beristiqamahlah) kamu berdua pada jalan yang lurus dan janganlah sekali-kali kamu mengikuti jalan orang-orang yang tidak mengetahui".[34]

Berkata Imam Ibnu Kathir:

أي كما أجيبت دعوتكما فاستقيما على أمري

"Iaitu: Sebagaimana doa kamu berdua dikabulkan, maka istiqamahlah kamu berdua atas perintah-Ku".[35]

عن ابن عباس : فاستقيما فامضيا لأمري وهي الإستقامة.

"Dari Ibnu Abbas: Maka istiqamahlah kamu berdua, maka laksnakanlah perintah-Ku, itulah istiqamah".[36]

Istiqamah menurut penafsiran Ibnu Abbas *radiallahu 'anhu* sebagaimana tertera di atas ia memberi maksud:

"Melaksanakan perintah Allah Subhanahu wa-Ta'ala".

Atau *istiqamah* dimaksudkan juga:

"Iaitu: Apabila seseorang hamba terus menerus dapat melaksanakan (tidak meninggalkan) segala kewajipan yang telah diwajibkan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala kepadanya".

---

[34] . Yunus 10:89.

[35] . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir, 2/565.

[36] . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir, 2/565.

MENJAUHI KEKUFURAN

MENJAUHI KEKUFURAN

Seseorang yang tidak mahu ber*istiqamah* bermakna ia adalah seorang yang *muzabzib* (مُذَبْذِبٌ) *"Tidak ada pendirian dan ragu".* Seseorang yang tidak mengenal atau tidak tahu apa itu *istiqamah*, ditakuti segala amalnya sukar untuk berterusan (tidak mantap), mudah goyang, terumbang-ambing, akidahnya mudah luntur dan tidak mustahil untuk menanggalkan imannya sehingga menukar agamanya tanpa disedari. Orang-orang seperti inilah yang diistilahkan oleh al-Quran dan pengistilahan hadis-hadis sahih sebagai orang yang *muzabzib.* Orang-orang yang seperti inilah juga mudah diperangkap oleh syaitan, mudah menjadi kafur, musyrik, zindik, munafik, fasik atau seumpamanya.

Hal-hal yang berakibat buruk kerana meninggalkan *istiqamah* seperti ini telah dijelaskan oleh Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* di dalam firman-Nya:

مُذَبْذَبِيْنَ بَيْنَ ذَلِكَ لآ إِلَى هَؤُلاَءِ وَلآ إِلَى هَؤُلاَءِ ، وَمَنْ يُضْلِلِ اللهُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ سَبِيْلاً.

"Mereka dalam keadaan ragu-ragu (tidak ada pendirian atau tidak istiqamah) antara yang demikian (iman atau kafir), tidak masuk kepada golongan ini (orang-orang beriman) dan tidak (pula) kepada golongan itu (orang-orang kafir). Barangsiapa

yang disesatkan Allah, maka kamu tidak akan sekali-kali mendapat jalan (untuk memberi petunjuk) baginya".[37]

Antara maksud atau tafsiran kalimah (مذبذبين) di atas ialah: *Ragu-ragu. Muzabzib* sangat bertentangan dengan maksud *istiqamah* kerana *muzabzib* satu dari sikap yang dimiliki oleh orang-orang munafik. Ia digambarkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* melalui sabda baginda:

مَثَلُ الْمُنَافِقِ كَمَثَلِ الشَّاةِ الْعَائِرِ بَيْنَ الْغَنَمَيْنِ تَعِيْرُ إِلَى هَذَا مَرَّةً وَإِلَى هَذَا مَرَّةً ، لاَ تَدْرِيْ أَيَّهَا تَتْبَعُ.

"Perumpamaan seorang munafik itu seperti seekor kambing yang pulang pergi tidak karuan antara dua kambing. Terkadang ia pergi ke kambing ini dan terkandang pula ia pergi ke kambing itu. Ia tidak tahu kambing mana yang akan ia ikuti".[38]

Dan firman Allah:

إِنَّ الْمُنَافِقِيْنَ فِى الدَّرْكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ.

"Sesungguhnya orang-orang munafik itu (ditempatkan) pada tingkatan yang paling bawah dari neraka".[39]

---

37 . An-Nisa 4:143.
38 . H/R Muslim. No. 2784.
39 . An-Nisa 4:145.

Apabila seseorang itu tidak *istiqamah* dan tidak mahu tahu apa erti *istiqamah*, akibatnya amat buruk kerana ia mudah terperangkap dalam perangkap-perangkap jahiliyah.

Kita perlu sedar dan tahu bahawa Islam melarang setiap orang-orang yang beriman dari meninggalkan *istiqamah* terutama dalam hal-hal yang wajib. Sama ada sesuatu perintah yang wajib disempurnakan seperti solat, haji, zakat dan seumpamanya. Atau hal-hal yang wajib ditinggalkan kerana telah diharamkan dan mendatangkan dosa seperti perbuatan maksiat, mempercayai tahaiyul, khurafat, bid'ah dan kesyirikan.

Jika seseorang tidak ber*istiqamah* dalam suruhan yang wajib contohnya solat, maka akan tertimpa kepadanya kekafiran atau murtad. Begitu juga dengan segala kewajipan-kewajipan yang lain, seperti tidak ber*istiqamah* dalam memelihara ikatan (perpaduan) berjamaah sehingga terjadi beberapa perpecahan (mufaraqah), maka perbuatan seumpama ini akan menyebabkan seseorang terkeluar dari jamaah.

Di dalam persoalan agama Islam, tidak boleh diawali dengan sesuatu yang lain selain akidah tauhid. Akidah adalah yang pertama dan yang paling wajib diutamakan sebelum yang lain-lainnya.

Akidah adalah asas yang wajib dikukuhkan dan mesti ber*istiqamah* supaya dapat memantapkan keteguhan tauhid dan memeliharanya agar tidak melakukan apa pun jenis kesyirikan terhadap Allah *'Azza wa-Jalla.*

Akidah wajib dipelihara agar sentiasa kekal sehingga keakhir hayat. Oleh sebab itu, al-Imam Ibnu Qaiyim telah berkata:

"Maka hanya dengan tauhid sahaja, (seseorang hamba) mengawali kehidupannya dalam Islam. Dan dengan tauhid pula ia mengakhirinya keluar dari dunia ini".

Tidak dihalalkan melaksanakan hukum bunuh terhadap seseorang yang berakidah Islamiyah, kecuali setelah berlakunya tiga perkara, di antaranya ialah apabila seseorang Muslim itu keluar (meninggalkan akidah dan jamaah). Hadis di bawah ini menjelaskan iaitu:

لاَيَحِلُّ دَمُ امْرِىءٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَاَنِّى رَسُوْلُ اللهِ اِلاَّ بِاِحْدَى ثَلاَثٍ : اَلنَّفْسُ بِالنَّفْسِ ، اَلثَّيْبُ الزَّانِى ، وَالْمُفَارَقُ لِدِيْنِهِ التَّارِكُ لِلْجَمَاعَةِ.

"Tidak halal darah seseorang Muslim yang bersyahadah bahawa tidak ada ilah selain Allah dan bahawa aku Rasulullah, kecuali dengan salah satu daripada tiga perkara : Jiwa dibalas dengan jiwa (bunuh), duda dan janda yang berzina, serta orang yang meninggalkan agamanya dengan cara meninggalkan jamaah".[40]

---

[40] . H/R Bukhari.

PERBUATAN HARAM

PERBUATAN HARAM

Berasaskan pemahaman tentang *istiqamah* yang difahami melalui ayat-ayat al-Quran, tafsir dan hadis-hadis yang telah dikemukakan, maka di dalam tulsian ini penulis hanya ingin memisalkan dua contoh hal yang wajib kita ber*istiqamah* padanya. Semoga dengan cara kita ber*istiqamah* dalam dua hal tersebut, insyaAllah kita akan diselamatkan oleh Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* di dunia dan di akhirat. Dua contoh tersebut iaitu:

Pertama: Dianggap seseorang itu tidak ber*istiqamah* dalam berjamaah apabila ia keluar atau meninggalkan jamaah kaum muslimin, kemudian membuat firqah (hizb) yang baru, sama ada kecil-kecilan atau besar-besaran, maka dengan tindakannya itu ia telah meninggalkan kewajipan ber*istiqamah* yang telah diwajibkan oleh Allah dan Rasul-Nya agar ia tetap berjamaah dengan jamaahnya kaum muslimin.

Mungkin ada yang tidak menyedari bahawa perbuatan meninggalkan jamaah adalah haram kerana ia boleh membawa kepada perbuatan yang jelas berdosa dan kekufuran yang nyata.

Terdapat dalil-dalil qati'i yang mengharamkan setiap orang yang beriman dari berpecah-belah dan meninggalkan jamaah. Wajib bagi mereka ber*istiqamah* dalam memelihara perpaduan, kesatuan dan keutuhan kaum muslimin sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* di dalam al-Quran:

وَاعْتَصِمُوْا بِحَبْلِ اللهِ جَمِيْعًا وَلاَ تَفَرَّقُوْا

"Dan berpeganglah (bersatulah) kamu semua kepada tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah".[41]

Begitu banyak ayat-ayat yang mewajibkan umat Islam agar sentiasa bersatu-padu dan sentiasa berada di dalam satu jamaah, dan amat jelas agama Islam telah mengharamkan perpecahan seperti di dalam ayat di bawah ini:

وَلاَ تَكُوْنُوْا كَالَّذِيْنَ تَفَرَّقُوْا وَاخْتَلَفُوْا مِنْ بَعْدِ مَاجَــآءَهُمُ الْبَيِّنَــاتُ ، وَأُوْلَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيْمٌ.

"Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat seksa yang berat".[42]

Istiqamah dalam berjamaah selain suruhan wajib yang telah diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa-Ta'ala,* ianya juga adalah perintah Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam,* baginda menjelaskan bahawa orang yang berpecah-belah (keluar dari jamaah kaum muslimin) akan dihumban ke neraka. Hal ini telah dikhabarkan oleh baginda sebagaimana penjelasan dari beberapa sabda baginda yang terdapat pada beberapa hadis sahih, antaranya:

---

[41] . Ali Imran 3:103.

[42] . Ali Imran 3:105.

وَانَّ هَذِهِ الْمِلَّةَ سَتَفْتَرِقُ عَلَى ثَلاَثٍ وَسَبْعِيْنَ ، ثِنْتَانِ وَسَبْعُوْنَ فِى النَّارِ وَوَاحِدٌ فِى الْجَنَّةِ وَهِىَ الْجَمَاعَةُ.

"Sesungguhnya millah ini (umat Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wa-sallam) akan berpecah kepada tujuh puluh tiga perpecahan, kesemuanya akan ke neraka dan hanya satu ke syurga iaitu yang berjamaah".[43]

Hadis di atas ini menegaskan hanya satu golongan sahaja yang akan ke syurga iaitu yang berjamaah. Dan sabdanya lagi sebagai amaran bagi sesiapa yang keluar dari jamaah:

فَاِنَّ مَنْ خَرَجَ مِنَ الْجَمَاعَةِ قَيْدَ شِبْرٍ فَقَدْ خَلَعَ رِبْقَةَ الاِسْلاَمِ مِنْ عُنُقِهِ اِلَى اَنْ يَرْجِعَ قَالُوْا : يَارَسُوْلَ اللهِ : وَاِنْ صَلَّى وَصَامَ ؟ قَالَ : وَاِنْ صَامَ وَصَلَّى وَزَعَمَ اَنَّهُ مُسْلِمٌ.

"Barangsiapa yang keluar dari jamaah kadar sejengkal sahaja, maka ia telah melepaskan ikatan Islam dari lehernya sehinggalah ia kembali (ke dalam jamaah). Mereka bertanya, wahai Rasulullah, walaupun dia bersolat dan berpuasa? Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Walaupun dia berpuasa dan bersolat dan mengaku sebagai seorang Muslim".[44]

فَمَنْ اَحَبَّ مِنْكُمْ اَنْ يَنَالَ بَحْبُوْحَةِ الْجَنَّةِ فَلْيُلْزِمِ الْجَمَاعَةَ.

---

43 . H/R Abu Daud dan Tirmizi. Hadis Hasan Sahih.

44 . H/R Ahmad.

"Sesiapa di antara kamu yang inginkan kenikmatan syurga, maka hendaklah ia sentiasa bersama (komited/istiqamah) dengan jamaah".[45]

فَمَنْ رَاَيْتُمُوْهُ فَارِقُ الْجَمَاعَةَ ، اَوْيُرِيْدُ اَنْ يُفَرِّقَ اَمْرَ اُمَّةِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، كَائِنًا مَنْ كَانَ فَاقْتُلُوْهُ ، فَاِنَّ يَدَ اللهِ مَعَ الْجَامَعَةِ.

"Maka barangsiapa yang kamu dapati meninggalkan jamaah, atau bermaksud memecah-belahkan urusan (kesatuan) umat Muhammad sallallahu 'alaihi wa-sallam, siapapun orangnya, hendaklah kamu bunuh dia. Sesungguhnya tangan Allah bersama jamaah".[46]

Keluar dari jamaah ialah keluar dari kepimpinan penguasa yang beragama Islam dan orang-orang yang diamanahkan agar menjaga dan memimpin jamaah. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

مَنْ كَرِهَ مِنْ اَمِيْرِهِ شَيْئًا فَلْيَصْبِرْ فَاِنَّهُ مَنْ خَرَجَ مِنَ السُّلْطَنِ شِبْرًا مَاتَ مِيْتَةً جَاهِلِيَّةً.

"Barangsiapa tidak menyukai sesuatu dari amirnya, hendaklah ia bersabar. Kerana sesiapa keluar walau sejengkal sahaja dari ketaatan pemimpinnya, maka jika ia mati, jadilah ia mati di dalam jahiliyah".[47]

---

45 . H/R Ahmad dan Tirmizi.

46 . H/R Muslim, Abu Daud, Nasaii dan Ahmad.

47 . H/R Bukhari.

مَنْ رَاَى مِنْ اَمِيْرِهِ شَيْئًا فَلْيَصْبِرْ فَاِنَّهُ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ شِبْرًا فَمَاتَ اِلاَّ مَيْتَةً جَاهِلِيَّةً.

"Barangsiapa yang melihat sesuatu yang tidak menyenangkan dari amirnya, maka hendaklah ia tetap bersabar. Kerana barangsiapa meninggalkan jamaah sejengkal sahaja, lantas ia mati maka matinya itu dalam keadaan jahiliyah".[48]

قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلِيْهِ وَسَلَّمَ وَمَنْ يُطِعِ الْاَمِيْرَ فَقَـــدْ اَطَـــاعَنِىْ وَمَنْ يُعْصِى الْاَمِيْرَ فَقَدْ عَصَانِيْ.

"Bersabda Rasullullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Barangsiapa mentaati amir, maka ia telah mentaatiku, dan barangsiapa yang membangkang kepada amir, maka ia telah membangkang kepadaku".[49]

عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ ، وَالطَّاعَةُ ، فِيْمَا اَحَبَّ اَوْ كَرِهَ.

"Setiap seorang Muslim wajib mendengar dan mentaati (amirnya) dalam hal yang ia sukai atau ia benci".[50]

عَلَيْكَ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِى عُسْرِكَ وَيُسْرِكَ وَمَنْشِطِكَ وَمَكْرَهِكَ وَاَثَرَةٍ عَلَيْكَ.

---

48 . H/R Bukhari.
49 . H/R Bukhari dan Muslim.
50 . H/R Muslim dan Ibnu Majah.

"Hendaklah engkau dengar dan patuh (kepada amir) dalam kesulitan atau kemudahan, dalam kesenangan atau keperitan".[51]

عَنْ عَلِيٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : اَقْضُوْا كَمَا كُنْتُمْ تَقْضُوْنَ فَاِنِّى اَكْــرَهُ الْاِخْتِلاَفَ حَتَّى يَكُوْنَ لِلنَّاسِ جَمَاعَةٌ اَوْاَمُوْتُ كَمَا مَاتَ اَصْحَابِى.

"Dari Ali radiallahu 'anhu, beliau berkata: Putuskanlah hukum sebagaimana kamu pernah putuskan, sesungguhnya aku benci pada perselisihan, sehingga (memecah-belahkan) jamaah manusia yang sedia ada, atau aku mati sebagaimana matinya sahabat-sahabatku".[52]

Kedua: *Istiqamah* dalam pegangan agama kerana ia merupakan ibadah dan ketaatan kepada Allah serta Rasul-Nya. Kita semua dijadikan semata-mata kerana tujuan ini.

Kita telah ditarbiyah oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* cara-cara untuk ber*istiqamah* agar mempunyai hati yang mantap dan sentiasa *istiqamah* dalam ketaatan kepada Allah. Dan kita diajar agar sering berdoa dengan doa-doa berikut agar dikuatkan ber*istiqamah* dalam agama Allah:

"Ummu Salamah pernah ditanya: Wahai Ummu Salamah, doa apakah yang sering dibaca oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam selama baginda berada di sisimu? Beliau menjawab: Doa yang sering dipohonkan oleh baginda ialah doa":

---

51 . H/R Muslim dan an-Nasaii.

52 . H/R Bukhari.

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوْب ، ثَبِّتْ قَلْبِيْ عَلَى دَيْنِكَ.

"Wahai Yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku atas agama-Mu dan ketaatan terhadap-Mu". Ummu Salamah berkata: Saya bertanya kepada baginda: "Wahai Rasulullah, betapa sering kau membaca doa itu? Baginda menjawab":

يَا أُمَّ سَلَمَةَ ، إِنَّهُ لَيْسَ آدَمِيٌّ إِلاَّ وَقَلْبُهُ بَيْنَ أُصْبُعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ اللهِ ، فَمَنْ شَاءَ أَقَامَ ، وَمَنْ شَاءَ أَزَاغَ.

"Wahai Ummu Salamah, sesungguhnya tidaklah anak keturunan Adam itu kecuali hatinya berada di antara dua jari jemari Allah! Kalau Dia menghendaki akan Dia teguhkan (istiqamah) dan kalau Dia kehendaki akan digelencirkan". [53]

Dan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* juga mengajarkan doa:

اَللَّهُمَّ مُصَرِّفَ الْقُلُوْب ، صَرِّفْ قُلُوْبَنَا عَلَى طَاعَتِكَ.

"Ya Allah yang berkuasa membolak-balikkan hati, bimbinglah hatiku agar sentiasa taat kepada-Mu!". [54]

Dan di hadis yang lain, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* telah mengkhabarkan kepada kita sekalian bahawa:

---

53 . H/R Tirmizi. Hadis Hasan. Lihat: Jamiul Usul dan Lihat: Sahih Sunan Tirmizi. No. 3768 dan No. 2365.

54 . Lihat: Al-Ahadis ash-Sahihah. No. 1689. Al-Albani.

إِنَّ الْقُلُوْبَ بَنِيْ آدَمَ كُلُّهَا بَيْنَ أُصْبُعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ الـــرَّحْمَنِ كَقَلْـــبٍ وَاحِدٍ يُصَرِّفُهَا كَيْفَ يَشَاءُ.

"Sesungguhnya hati anak Adam semuanya berada di antara dua jemari Allah yang Maha Penyayang laksana satu hati sahaja, yang mampu Dia bolak-balikkan sesuai dengan kehendak-Nya".

Dari ayat-ayat dan hadis-hadis sahih di atas, boleh difahami bahawa ber*istiqamah* adalah wajib dalam perkara-perkara yang fardu. Mahasuci Allah yang berkuasa merubah dan membolak-balikkan hati yang tidak mampu diubah oleh sesiapapun makhluk-Nya untuk memberi pertolongan.

Hanya berdoa dan terus ber*istiqamah* sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah sahaja yang boleh membantu hamba Allah yang soleh dari terpesongnya hati yang mudah dibolak-balikkan.

TIDAK WAJIB ISTIQAMAH DALAM TATHAWWU'

TIDAK WAJIB ISTIQAMAH DALAM TATHAWWU’

Telah diperintahkan oleh syarak agar orang-orang beriman sentiasa ber*istiqamah* dalam hal-hal yang wajib. Tetapi berbeza pula dengan perkara-perkara yang sunnah, kerana perkara-perkara yang sunnah tidak diwajibkan untuk ber*istiqamah*, namun digalakkan agar dikerjakan secara *tathawwu'* (تَطَوُّعٌ) atau sukarela (tidak wajib). Allah *Subhanahu wa-Ta’ala* berfirman:

وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا.

“Dan barangsiapa yang mengerjakan suatu kebajikan dengan kerelaan hati”.[55]

Dalam setiap perkara yang dihukum wajib, jika seseorang tidak mengerjakannya dengan cara ber*istiqamah*, bermakna ia tidak melaksanakan kewajipan tersebut secara yang sempurna. Setiap amal yang wajib jika dikerjakan dengan cara yang tidak sempurna, maka ia tidak akan diterima oleh Allah, dianggap melanggar hukum syarak atau tidak mentaati Allah *Subhanahu wa-Ta’ala* yang akibatnya boleh membawa kepada kekufuran.

Contohnya, jika tidak ber*istiqamah* dalam salah satu dari rukun Islam yang lima, seperti meninggalkan kewajipan solat,

---

[55] . Al-Baqarah 2:158.

bermakna telah keluar dari keimanan (kafir) kerana solat adalah merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima. Dan sepakat para ulama berfatwa bahawa meninggalkan solat adalah dihukum haram tanpa ada ikhtilaf. Sebaliknya jika tidak ber*istiqamah* (tidak berterusan) dalam menunaikan solat-solat sunnah tidak pula dihukum kafir kerana ia hanyalah *tathawwu'* (sukarela atau tidak wajib).

Menutup aurat pada had yang telah digaris atau dibataskan oleh syarak, sama ada bagi lelaki atau wanita adalah wajib, memakai pakaian yang kemas dan bersih adalah sunnah, maka ber*istiqamah* dalam cara berpakaian yang menutupi aurat sebagaimana yang telah ditentukan oleh syarak adalah wajib.

Setelah memenuhi kewajipan menutup aurat kemudian diiringi pula dengan memakai pakaian yang kemas serta bersih hukumnya sunnah, dalam hal sunnah ini hukumnya tidak sama dengan wajibnya ber*istiqamah* dalam menutup aurat yang batas-batas dan hukumnya telah diwajibkan oleh syarak, kerana cara yang kedua adalah hanya *tathawwu'* tetapi tetap dicintai dan dikerjakan oleh orang-orang soleh.

Berhukum dengan hukum-ahkam Allah (al-Quran dan as-Sunnah) adalah wajib, meninggalkan hukum-ahkam tersebut adalah kafir. Maka ber*istiqamah* dalam melaksanakan hukum-ahkam Allah adalah wajib tanpa ada perselisihan. Berpegang dan melaksanakan segala perkara yang telah difardukan oleh syarak itu adalah wajib, sebaliknya pula jika tidak ber*istiqamah* dalam perkara ini, lebih-lebih lagi apabila tidak ber*istiqamah* sehingga melakukan bid'ah, maka itu semua adalah perbuatan yang haram dan sesat.

Berpegang teguh pada iktikad tauhid adalah wajib, maka ber*istiqamah* dalam akidah ini pastilah juga wajib. Apabila tidak ber*istiqamah* dalam perkara iktikad, bermakna telah melakukan kesyirikan atau keluar dari Islam (murtad).

Begitu jugalah dalam semua perkara-perkara lain yang telah ditentukan kewajipannya oleh Allah dan Rasul-Nya. Dengan demikian, ber*istiqamah* dalam perkara yang wajib adalah suatu yang tidak boleh ditinggalkan, mesti dikekalkan, dipegang secara iltizam dan diamalkan terus menerus. Ini berlainan pula dengan perkara-perkara sunnah yang boleh dikerjakan secara *tathawwu'* yang tidak membawa kepada kekafiran jika tidak dikerjakan (ditinggalkan).

Istiqamah juga bermaksud sentiasa taat, meninggalkan semua larangan yang telah ditetapkan oleh syarak, atau meninggalkan segala jenis pekerjaan yang telah diharamkan oleh Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dan Rasul-Nya yang terdapat di dalam al-Quran dan di dalam hadis-hadis yang sahih.

Orang yang benar-benar ber*istiqamah* tidak akan berzina, minum arak, menghisap bahan yang memabukkan, mencuri, berjudi dan tidak akan melakukan segala perkara yang sudah jelas dihukum haram terutamanya yang berbentuk bid'ah dan syirik.

Seseorang yang mengakui dirinya ber*istiqamah*, tetapi masih merasa senang hati melakukan maksiat terutamanya yang berbentuk bid'ah, syirik, tahaiyul dan khurafat, maka pengakuan *istiqamah* orang-orang seperti ini tidak boleh diterima, ia merupakan suatu pembohongan dan menandakan ia adalah seorang yang nifak (munafik).

Sebagai contoh, seseorang yang masih memakai tangkal, mencukur janggut atau membaca qunut disetiap solat Subuh adalah termasuk dalam katogeri perbuatan bid'ah yang sesat. Sesiapa yang melakukan perkara-perkara bid'ah seperti ini setelah mengetahui hukumnya, maka batallah *istiqamah*nya walaupun apa alasan yang diberikan.

Sesiapa yang mendakwa dirinya ber*istiqamah* kemudian mengakui pula sebagai pengikut sunnah, tetapi masih tidak mahu meninggalkan segala jenis perbuatan bid'ah (termasuklah perbuatan bid'ah yang disebutkan di atas), maka orang-orang yang melanggar kewajipan ber*istiqamah* seperti ini merupakan seorang yang jahil tentang erti dan maksud *istiqamah.* Dan jika sekiranya ia tahu apa itu *istiqamah* kemudian melanggarnya, ini menunjukkan ia adalah seorang pembuat maksiat, fasik atau munafik, lebih-lebih lagi jika sekiranya ia menutupi perbuatannya dengan alasan bertaqiyah.

Perbuatan serupa ini amat jelas melanggar konsep *istiqamah*, masih boleh dianggap sebagai mubtadi' (aktivis bid'ah), orang yang *muzabzib* (tidak ada pendirian) dan seterusnya orang seperti ini adalah seorang munafik atau pembohong yang fasik.

Dari beberapa keterangan dan penjelasan di atas, boleh difahami bahawa ada perbezaan antara *istiqamah* dengan *tathawwu'. Istiqamah* hanya dalam perkara-perkara yang wajib dan meninggalkan *istiqamah* samalah seperti meninggalkan suatu yang wajib atau yang fardu.

Apabila seseorang meninggalkan sesuatu yang wajib atau fardu dengan sengaja (dengan kesedaran), mengetahui tentang

kewajipan perkara tersebut sedangkan ia mampu untuk melaksanakannya (kerana tidak ada yang menghalang untuk melaksanakannya), maka keingkarannya terhadap perbuatan tersebut akan menyebabkan seseorang itu menjadi kafir. Berlainan pula dalam perkara-perkara yang hanya berupa pekerjaan-pekerjaan yang sunnah. Sunnah tidak diwajibkan *istiqamah*, sunnah hanya digalakkan melaksanakannya mengikut kemampuan masing-masing. Cara atau contohnya hanya mengikut sebagaimana yang telah dikerjakan oleh Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam.*

Apakah perbezaan yang sebenar antara *istiqamah* dalam melaksanakan yang wajib dengan *tathawwu'* dalam melaksanakan perkara-perkara yang sunnah atau nawafil?

PERBEZAAN ISTIQAMAH DENGAN TATHAWWU'

PERBEZAAN ISTIQAMAH DENGAN TATHAWWU’

Tathawwu' (تَطَـوُّعْ), sebagaimana yang dimaksudkan di dalam syarak ialah:

“*Mengerjakan perkara-perkara sunnah yang mendatangkan pahala, misalnya melakukan puasa sunnah dan sebagainya yang mendatangkan pahala. Semuanya untuk meningkatkan kepatuhan dan pendekatan diri kepada Allah Subhanahu wa-Ta’ala*”.[56]

Melaksanakan amalan *tathawwu'* bukan disebabkan terpaksa atau terasa dipaksa. Tidak juga didesak oleh seseorang atau kerana sesuatu sebab. *Tathawwu'* adalah taat mengerjakan pekerjaan yang sunnah yang semata-mata hanya kerana mentaati Allah *Subhanahu wa-Ta’ala*, mencontohi Rasul-Nya dan mencari keredaan Allah dengan penuh kerelaan hati dan keikhlasan.

Seseorang yang mengerjakan sunnah seolah-olah melaksanakan pekerjaan yang wajib, tetapi tidak menganggapnya sebagai amalan yang wajib kerana menyedari ia adalah hanya kerelaan hati (*tathawwu’*).

---

[56] . Kamus Istilah Fiqh. Penyusun M. Abdul Mujieb, Mabruri Tholhah, Syafi’ah Am. Advance Publication 1997. Malaysia.

Pelaku (pengamal) amalan-amalan *tathawwu'* merasakan seolah-olah pekerjaan yang dikerjakan itu sama seperti perintah syarak yang telah diwajibkan walaupun pada hakikatnya ia menyedari bahawa *tathawwu'* hanyalah amalan sunnah.

Dikerjakan dengan bersungguh-sungguh kerana tidak mahu meninggalkan atau tertinggal lantaran mencintai perbuatan tersebut, tetapi tetap menganggapnya *tathawwu'* (hanya amalan-amalan sunnah). Keterangannya adalah seperti di bawah ini:

التطوع معناه : التكلف بالطاعة والتطوع بالشيء التبرع به.

"Tathawwu' bermakna: "Melaksanakan dengan penuh ketaatan dan bertathawwu' pada sesuatu amalan (bererti) merasa rela dengannya".[57]

Di dalam al-Quran terdapat kalimah *tathawwu'* ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*:

وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللهَ شَاكِرٌ عَلِيْمٌ.

"Dan barangsiapa yang mengerjakan sesuatu kebajikan dengan kerelaan hati (tathawwu'), maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui".[58]

Berkata al-Hasan al-Basri bahawa yang dimaksudkan *tathawwu'* ialah:

---

57. (عمدة القرى), jld. 1, hlm. 232.

58. Al-Baqarah 2:158.

المراد تطوع خيرا فى شائر العبادات

"Yang dimaksudkan dengan tathawwa'a khairan itulah segala yang ibadah".[59]

فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُ.

"Barangsiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebaikan, maka itulah yang lebih baik baginya".[60]

Allah *'Azza wa-Jalla* telah memerintahkan para nabi, para rasul-Nya dan orang-orang yang beriman agar ber*istiqamah* sebagaimana keterangan dari ayat-ayat yang telah lalu. Dan dalam sebuah hadis dijelaskan:

جَاءَ رَجُلٌ اِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ اَهْلِ نَجْدٍ ثَائِرِ الرَّأْسِ ، يَسْمَعُ دَوِىُّ صَوْته وَلاَ يَفْقَهُ مَا يَقُوْلُ حَتَّى دَنَا فَإِذَا هُوَ يَسْأَلُ عِنِ الاِسْلاَمِ فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ. فَقَالَ : هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا ؟ قَالَ : لاَ اِلاَّ تَطَوُّعٌ. قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : وَصَامَ رَمَضَانَ. قَالَ : هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ ؟ قَالَ : لاَ اِلاَّ اَنْ تَطَوَّعَ. قَالَ : وَذَكَرَ لَهُ رَسُوْلُ الزَّكَاةَ. قَالَ : هَلْ عَلَيَّ غَيْرِهَا ؟ قَالَ : لاَ اِلاَّ اَنْ تَطَوَّعَ. قَالَ : فَاَدْبَرَ الرَّجُلُ وُهُوَ

---

[59] . Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 1/272.

[60] . Al-Baqarah 2:184.

يَقُوْلُ : وَاللهِ لاَ اَزِيْدُ عَلَى هَذَا وَلاَ اَنْقُصُ. قَالَ : رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَفْلَحَ اِنْ صَدَقَ.

"Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam dari (kalangan) ahli Najd, kusut masai rambutnya, kedengaran tidak ketentuan suaranya, tidak diketahui apa yang dicakapkan sehingga dia hampir. Maka dia bertanya tentang Islam, maka dijawab oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Lima kali sembahyang siang dan malam. Beliau bertanya: Ada lagikah selainnya bagiku? Baginda bersabda: Tidak, kecuali jika mahu bertathawwu'. Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Puasa dibulan Ramadan. Beliau bertanya: Ada lagikah yang lain bagiku? Baginda bersabda: Tidak, kecuali jika mahu bertathawwu'. Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Mengeluarkan zakat. Beliau berkata: Ada lagikah yang lain bagiku? Baginda bersabda: Tidak, kecuali jika mahu bertathawwu'. Kemudian beredar lelaki tersebut sambil berkata: Demi Allah tidak akan aku tambah pada ini semua dan tidak akan aku kurangkan. Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Berbahagialah jika dia percaya".[61]

مَنْ صَلَّى فِيْ يَوْمٍ ثِنْتَيْ عَشَرَةَ سَجْدَةً تَطَوُعًا بَنَى لَهُ بَيْتٌ فِيْ الْجَنَّةِ.

"Barangsiapa yang solat pada setiap hari dua belas sujud kerana tathawwu', nescaya akan dibina baginya sebuah rumah di dalam syurga".[62]

---

[61] . H/R Bukhari.

[62] . H/R Muslim, Tirmizi, Nasaii, Ahmad dan ad-Darimi.

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُصَلِّى لِلّٰهِ كُلَّ يَوْمٍ ثِنْتَىْ عَشَرَةَ رَكْعَةً تَطَوُّعًا غَيْرَ فَرِيْضَةٍ ، اِلاَّ بَنَى لَهُ بَيْتًا فِى الْجَنَّةِ.

"Tiadalah bagi seorang Muslim bersembahyang setiap hari dua belas rakaat kerana tathawwu' selain faridhah kecuali akan dibina baginya sebuah rumah di syurga".[63]

Ayat dan hadis-hadis sahih di atas telah menerangkan pengertian *tathawwu'* dengan sempurna dan jelas. Melalui semua hujah-hujah yang ada bolehlah dibezakan antara pengertian *istiqamah* dengan *tathawwu'*. Hujah di atas membuktikan *tathawwu'* adalah perbuatan sunnah yang digalakkan supaya sentiasa dikerjakan selepas mengerjakan perkara-perkara yang wajib sebagai amalan tambahan.

Tathawwu' juga adalah amalan nawafil (sunnah) yang bukan wajib, tetapi digemari oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* dan sekalian orang-orang yang soleh.

Berbanding pula dengan *istiqamah*, ia merupakan penetapan dari syarak yang wajib dikerjakan jika berbentuk suruhan atau perintah dan wajib pula ditinggalkan apabila ia berupa larangan atau yang jelas pengharamannya sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. *Istiqamah* jika dilanggar dengan sengaja (tidak dipatuhi) boleh membawa kepada berlakunya kesyirikan, bid'ah, kekufuran atau maksiat.

Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam*, para sahabat, para ulama salaf serta orang-orang yang soleh sangat

---

[63] . H/R Muslim, Tirmizi, Nasaii, Ahmad dan ad-Darimi.

mencintai *tathawwu'*. Banyak hadis-hadis sahih yang menggalakkan orang-orang beriman supaya sentiasa ber*tathawwu'* dalam mengerjakan perkara-perkara yang nawafil (perkara-perkara yang sunnah), terutama jenis amalan-amalan *tathawwu'* yang tidak pernah ditinggalkan oleh Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam*.

Istiqamah dalam mengerjakan amalan yang wajib akan mendekatkan diri pengamalnya kepada Allah *'Azza wa-Jalla*, tetapi amalan-amalan *tathawwu'* pula apabila terus menerus diamalkan ia disebut juga sebagai *naafilah* atau *nawafil* dan akan menjadikan pelakunya dicintai oleh Allah *'Azza wa-Jalla*. Allah berfirman dalam sebuah hadis kudsi:

وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِيْ بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَـــايَزَالُ عَبْدِيْ يَتقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبُّهُ.

"Tidaklah ada amalan yang lebih mendekatkan diri seseorang hamba kepada-Ku selain mengerjakan kewajipan yang telah Aku perintahkan. Setiap kali seseorang hamba mendekatkan diri kepada Aku dengan amalan-amalan sunnah nescaya Aku akan semakin mencintainya".[64]

---

64 . H/R Bukhari.

Istiqamah adalah amalan mulia dan disukai oleh Allah dan Rasul-Nya, tidak boleh meninggalkannya hanya kerana semata-mata mengikuti kehendak hawa nafsu. Hawa nafsu sering nenghalang-halangi manusia untuk terus ber*istiqamah*. Ingatlah, bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* telah bersabda!:

وَالَّذِيْ نَفْسِيْ بِيَدِهِ ، لاَ يُؤْمِنُ اَحَدُكُمْ ، حَتَّى يَكُوْنَ هَوَاهُ ، تَبَعًا لِمَـــا جِئْتُ بِهِ.

"Demi jiwaku yang di tangan-Nya, tidak beriman seseorang kamu sehingga hawa nafsunya mengikut (mentaati) apa yang telah aku datangkan dengannya".[65]

Dengan pembuktian dari dalil-dalil syarii yang sudah dipaparkan di dalam tulisan ini, sewajarnya para pembaca yang budiman yang sudah mentelaah kutaiyib (buku kecil) ini mampu memelihara akidah, menjaga amalan, akhlak dan agama Islam melalui panduan ilmu setelah mengimani tentang haramnya meninggalkan pendirian *istiqamah*. Oleh itu ber*istiqamah*lah dalam mentaati hukum-hukum yang wajib dipatuhi di dalam agama Islam. Taatilah Allah dengan penuh ketakwaan, keikhlasan dan dengan semangat ber*istiqamah*.

والله اعلم ، والحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام علـــى اشـــرف المرسلين ، نبينا محمد وعلى آله وأصحابه اجمعين.

---

[65] . Dikeluarkan oleh al-Baghawi dalam "Syarah as-Sunnah" 1/213. Ibn Abi Asim dalam "As-Sunnah" 1/12. Dan al-Khatib dalam "Tarikh Baghdad". 4/369.

SINOPSIS

Istiqamah merupakan masalah tauqifi yang secara syarii wajib dipelajari, semestinya diketahui dan sewajarnya menjadi amalan setiap orang-orang yang beriman agar memperolehi rahmat di dunia dan keselamatan di akhirat.

Penulis telah menghurai di dalam kutaiyib (buku kecil) ini tentang permasalahan istiqamah dan hukum seputar akibat tidak beristiqamah. Dibahas secara ringkas, padat dan gamblan agar mudah difahami.

Tulisan ini amat sesuai untuk para pembaca yang menginginkan keselamatan akidah, amal akhlak dan gaya hidup yang memenuhi kehendak al-Quran dan as-Sunnah. Kutaiyib ini layak dibaca agar pembaca terhindar dari bahaya dan petaka kerosakan iktikad lantaran tidak memahami dan belum beristiqamah dengan agama Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Semoga tulisan ini bermanfaat dan dimanfaatkan isinya oleh para pembaca, keluarga yang tersayang dan orang-orang yang dicintai. Selamat membaca!